

# Tidak betul guna raja: Nik Aziz

BH 28 MAR 2000

KOTA BHARU. Isnin – Pas tetap menuduh raja berpolitik jika mereka campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini akibat perbezaan fahaman politik.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau tetap dengan pendiriannya tidak bersetuju jika Raja-Raja Melayu campur tangan dalam menyelesaikan masalah itu.

Ini kerana, katanya, perpecahan yang berlaku adalah berpunca daripada Umno yang didakwa membawa fahaman sekular dan jelas bercanggah dengan Islam.

“(Campur tangan raja) Tak betul...kerana benda (perpecahan) ini salah Umno, sebab apa

heret raja dalam masalah politik. Raja ni, dia ada peraturan, ada tugas.

“Tak betul dia (Umno) guna raja... dan raja kalau dia buat juga, dia akan dituduh raja berpolitik pula.

“Pas tetap akan tuduh raja berpolitik jika dia menyelesaikan masalah ini,” katanya kepada pemberita ketika melawat kawasan kebakaran di Pondok Terusan, Pasir Tumboh, dekat sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika ditanya mengenai pendiriannya berhubung keputusan Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu bersetuju untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyatukan semula umat Islam di negara ini yang berpe-

cah akibat politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi taklimat khas kepada mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Beliau menyifatkan tindakan meminta Raja-Raja Melayu menyelesaikan masalah itu seperti menyuruh raja mencuci pinggan yang digunakan oleh rakyat untuk makan nasi.

“Kita buat sampah, lepas itu kita suruh raja sapu sampah, mana boleh...” katanya sambil menambah Umno sepatutnya menyelesaikan sendiri masalah itu dengan kembali kepada perjuangan Islam sebenar yang berasaskan kepada al-Quran dan hadis.